

25 APR 2001

FMM-SAINGAN

NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BUKAN LAGI SAINGAN KITA, KATA FMM

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Pesaing-pesaing Malaysia di masa yang akan datang, bukan lagi terdiri daripada negara-negara membangun tetapi negara-negara perindustrian yang baru muncul seperti Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan mungkin beberapa negara barat.

"Kita kini berada di persimpangan ... tempoh lima tahun akan datang begitu genting untuk kita beralih dari ekonomi yang secara tulinya berasaskan pengilangan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi)," kata naib presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Datuk Paul Low, hari ini.

Beliau menambah Malaysia tidak lagi menjadi destinasi menarik untuk syarikat-syarikat multinasional (MNC) dari segi tenaga buruh berbanding dengan China dan India.

Beliau berkata yang jelasnya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, 85 peratus daripada pelaburan asing langsung yang memasuki Asia tersalur ke China.

Oleh itu, Low berkata dalam tempoh lima tahun akan datang, bidang-bidang utama yang perlu diberi perhatian oleh Malaysia ialah globalisasi, Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan k-ekonomi.

Dari segi globalisasi, beliau berkata pelabur-pelabur lebih tertarik kepada China dan India kerana pasaran domestik mereka yang besar.

Malaysia juga patut mengambil peluang ini (keluasan pasaran) menerusi Asean yang mempunyai gabungan populasi melebihi 500 juta orang, kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran edisi ke-32 Buku Panduan FMM - Industri-industri Malaysia dan edisi kelima "SMIs Handbook 2001/2002" di sini hari ini. Buku-buku ini dilancarkan oleh presiden FMM Jen (B) Tan Sri Zain Hashim.

Dalam bidang ICT, Low berkata pengilang-pengilang tempatan sepatutnya merebut peluang ke atas teknologi-teknologi baru untuk meningkatkan proses pengilangan mereka dan meluaskan capaian pasaran mereka menerusi internet.

Beliau juga percaya inovasi produk dan penyelidikan dan pembangunan akan menjadi elemen utama kejayaan pengilang-pengilang Malaysia di masa akan datang.

"Di masa-masa akan datang, kita tidak hanya boleh menjadi pengeluar kelengkapan asli dan separa pengilang, kita perlu mencipta dan menghasilkan teknologi-teknologi baru di mana kita boleh menerajui pasaran," kata Low.

Ketika mengaitkannya dengan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Isnin, beliau berkata cabaran-cabaran di dalam RMK8 agak berlainan berbanding dengan rancangan-rancangan Malaysia sebelumnya.

Ekoran senario-senario baru ini, Low menghargai usaha-usaha kerajaan untuk menangani isu-isu di dalam RMK8.

Bagaimanapun, beliau berkata mulai sekarang, cabaran paling besar ialah samada orang awam menyedari cabaran-cabaran baru yang bakal tiba dan bersedia membuat perubahan baru ini untuk berdaya tahan dalam era ekonomi baru.

"Kerajaan menyedari mengenai cabaran-cabaran ini, kita (pengilang-pengilang) juga sedar mengenai perkara ini tetapi soalnya samada orang ramai mengetahui mengenai cabaran-cabaran yang akan datang," tambah beliau.

Sementara itu, beliau berkata buku-buku panduan yang dilancarkan hari ini menyediakan panduan penting dalam mempromosikan barangan Malaysia di

dalam dan luar negara. -- BERNAMA
MOT SD AA